

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) MELEBARKAN JARINGAN ANTARABANGSA KE NEGARA TIMUR TENGAH

UniMAP sekali lagi mengorak langkah pengantarabangsaannya. Destinasinya ialah ke negara-negara Timur Tengah. Lawatan ini dilakukan oleh Dekan Pusat Kejuruteraan Pembuatan, Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain yang juga mantan Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Dekan Pengurusan Akademik, Prof. Madya Ir. Mohabattul Zaman SNS Bukhari dan Dekan Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Prof. Madya Dr. Syed Alwee Al Junid Syed Junid yang telah mengadakan lawatan kerja ke University of Medical Sciences & Technology (UMST), Sudan, Aljazeera Community College, Yemen dan Princess Sumaya University of

Technology (PSUT), Jordan untuk meninjau peluang-peluang kerjasama antara universiti-universiti tersebut. Lawatan ini telah diketuai oleh Y.Bhg.Brig.Jen.Dato' Profesor Dr.Kamarudin Hussin, Naib Canselor, UniMAP

Lawatan ini juga rentetan daripada jemputan UMST kepada UniMAP ke Khartoum, Sudan. Di Yemen, sebuah institusi, Aljazeera Community College telah menyediakan kertas kerja tentang perincian kerjasama yang boleh dilaksanakan dengan UniMAP.